



Ruj Kami: JANM.BPOPA.600-3/3/1 Jld 11(1)

Tarikh : 10 November 2021

Ketua Akauntan Kementerian

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan dimaklumkan bahawa Jabatan ini sedang mengemas kini Kod Perakaunan bagi Tahun Kewangan 2021. Kod perakaunan yang terlibat ialah Profil Kod Kementerian/Jabatan, Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt) dan Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK).

1. Profil Kod Kementerian/Jabatan
 - 1.1 Pertukaran Profil Kod Kementerian/Jabatan hanya dibenarkan bagi Program/Aktiviti sahaja.
 - 1.2 Perubahan Profil Kod Kementerian/Jabatan di perenggan 1.1 hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/Jabatan.
 - 1.3 Profil kod Kementerian/Jabatan hanya boleh dipinda pada awal tahun kewangan sebelum akaun bagi satu-satu tahun kewangan itu bermula.
2. Kod Program/Aktiviti (Prog/Akt)
 - 2.1 Semua pewujudan dan pembatalan kod serta pindaan ke atas perihal Prog/Akt hendaklah dikemukakan melalui fail format *excel* yang dilampirkan – **Laporan Data Induk Program Aktiviti Kementerian 2021**.
 - 2.2 Pastikan pilihan bagi status kod 2021 dibuat mengikut kategori sama ada tiada pindaan, pinda perihal atau batal hanya melalui *drop down list* yang disediakan. Kunci masuk adalah tidak dibenarkan.
 - 2.3 Bagi setiap kod baharu yang diwujudkan, pastikan maklumat tambahan yang dilampirkan dalam fail format *excel* diisi dengan lengkap. Sila rujuk panduan yang disertakan dalam fail format *excel* berkenaan.

3. Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK)

- 3.1 Semua pewujudan kod dan pindaan perihal PTJ/PK hendaklah dikemukakan melalui fail format *excel* yang dilampirkan – **Laporan Data Induk PTJ Kementerian 2021**.
- 3.2 Kod PTJ/PK baharu hanya boleh diwujudkan bagi pembukaan pejabat baharu sahaja.
- 3.3 Bagi setiap kod PTJ/PK baharu yang diwujudkan, pastikan maklumat tambahan yang dilampirkan dalam fail format *excel* diisi dengan lengkap. Sila rujuk panduan yang disertakan dalam fail format *excel* berkenaan.
- 3.4 Bagi penamatan kod PTJ/PK, mohon pastikan setiap peringkat kod akaun dan subsidiari PTJ/PK tersebut telah berbaki kosong. Penutupan PTJ/PK hanya akan dibuat selepas semakan BPOPA mendapati PTJ/PK tersebut tidak lagi mempunyai baki di peringkat kod akaun dan subsidiari menggunakan kod transaksi *S_PLO_86000030: G/L Account Balances di SAP GUI*. Mohon Bahagian Akaun untuk menggunakan kod transaksi yang sama bagi tujuan semakan. Sebagai makluman, tamat tempoh tidak akan dibuat pada 1 Januari 2021 mengambilkira proses Akaun Kena Bayar (AKB) sekiranya ada.
- 3.5 Pastikan pilihan bagi status kod tahun 2021 dibuat mengikut kategori sama ada tiada pindaan, pinda perihal atau batal hanya melalui *drop down list* yang disediakan. Kunci masuk adalah tidak dibenarkan.

4. Jadual Penukaran Kod

Kementerian hendaklah melengkapkan Jadual Penukaran Kod Program/Aktiviti dan Jadual Penukaran Kod PTJ/PK bagi tahun 2021 melalui fail format *excel* yang dilampirkan – **Laporan Data Induk Program Aktiviti Kementerian 2021** dan **Laporan Data Induk PTJ Kementerian 2021**. Sebarang kesilapan kemas kini akan mengakibatkan kegagalan kepada bayaran gaji, bayaran pukal dan pindahan yang melibatkan subsidiari. Adalah menjadi tanggung jawab Kementerian untuk memastikan maklumat yang dikemukakan adalah tepat dan betul.

5. Untuk makluman, pengemaskinian melalui fail format *excel* bagi Kod Program/Aktiviti dan Kod PTJ/PK hanyalah bagi pewujudan awal tahun sahaja. Sebarang penambahan/pindaan atau pembatalan kod dalam tahun semasa 2021 hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/MD 005A – Borang Kod Program/ Aktiviti dan borang JAN/MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos (PTJ/PK). Panduan dan borang boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia di alamat www.anm.gov.my.

6. Pengesahan kod bagi perenggan 1 hingga 4 hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **20 November 2020** melalui emel kepada uoap@anm.gov.my. Kerjasama dan tindakan sewajarnya bagi mengemas kini kod perakaunan Tahun Kewangan 2021 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

‘Inovasi dan Integriti Pemangkin Merealisisi Perakaunan Akruan’

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD SABREE BIN YAAKUB CPA, C.A (M))

Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi

b.p. Akauntan Negara Malaysia

Jabatan Akauntan Negara Malaysia